

27 AUG 1997

Mahathir-Kart

DR MAHATHIR RASMI LUMBA KART SEMPENA HARI KEBANGSAAN

LANGKAWI, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan perlumbaan kart tahan lasak sempena Hari Kebangsaan ke 40 di litar kart antarabangsa MORAC di sini Sabtu ini.

Perlumbaan yang menawarkan hadiah RM100,000 itu pertama kali dianjurkan di negara ini oleh MOFAZ Motorsport, anak syarikat Kumpulan MOFAZ dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Pegawai Perhubungan Awam LADA, Encik Mohd Hatta Said hari ini berkata, Perdana Menteri akan merasmikan perlumbaan selama empat jam tanpa henti itu pada kira-kira pukul 3 petang.

Beliau berkata, perlumbaan bagi merebut piala Perdana Menteri itu disertai 40 pasukan dari dalam dan luar negeri.

Menurutnya, penganjur akan menyediakan sebanyak 40 enjin pro-kart berkembar yang digunakan pada perlumbaan itu.

Setiap pasukan itu mengandungi empat pelumba yang akan bergilir-gilir memandu tanpa berhenti dengan setiap daripada mereka akan memandu tidak melebihi 40 minit.

Antara pasukan yang mengambil bahagian ialah LADA Express diketuai Haji Adenan Abdul Rahman, Team Shapadu dan Team Kawasaki dari Thailand.

Inilah perlumbaan paling bersejarah yang pernah diadakan kerana majlis penyampaian hadiah kepada pemenang akan berlangsung selepas upacara menaikkan bendera Malaysia, sempena sambutan Hari Kebangsaan, tepat 12 tengah malam 31 Ogos dengan diikuti lagu Negaraku dinyanyikan beramai-ramai, katanya.

Hadiah lumayan menunggu pemenang perlumbaan dengan juara perlumbaan akan menerima RM40,000, naib johan RM30,000, ketiga RM20,000 dan keempat RM10,000 disamping hadiah-hadiah lain.

Katanya, piala Perdana Menteri yang menjadi rebutan perlumbaan itu mempunyai ketinggian satu meter bersalutkan emas dan perak yang akan dipamerkan di Galeria Perdana selepas pertandingan itu diadakan bagi membolehkan penduduk tempatan dan pelancong melihatnya.

Beliau berkata, piala itu dan dua buah enjin pro kart yang akan menjadi kenderaan perlumbaan itu akan dipamerkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum perlumbaan itu diadakan.

Litar kart di Langkawi yang beroperasi awal tahun ini adalah antara yang terkemuka di rantau ini kerana menggunakan sistem komputer.

Pada Jun lepas, kejohanan kart prix ASEAN dipertandingkan di litar itu yang menarik ramai jaguh kart luar negara mengambil bahagian.-- Bernama

ZI NH WAT